

18 JUN 1997

Renong-Jambatan

RENONG BUAT KAJIAN JAMBATAN MALAYSIA-INDONESIA

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 18 Jun (Bernama) -- Renong Berhad sedang menjalankan kajian kemungkinan mengenai jambatan yang dicadangkan bagi menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sumatera merentang Selat Melaka, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

"Butiran awal yang saya perolehi ialah jambatan itu mungkin dibina sepanjang 24 atau 25 kilometer," katanya kepada pemberita di sini semasa menyertai rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan rasmi tiga hari ke Lubnan.

Menurut Samy Vellu, Renong dijangka dapat menyiapkan laporan mengenai kajian itu dalam tempoh sebulan. Jika projek itu menjadi kenyataan, ia merupakan jambatan pertama yang menghubungkan kedua-dua negara itu.

Renong Berhad terlibat dalam bidang kejuruteraan dan pembinaan infrastruktur termasuk lebuhraya.

Seorang eksekutif kanan Renong, yang turut menyertai rombongan Perdana Menteri ke sini, berkata jambatan itu dicadangkan menghubungkan Melaka dengan Dumai di bahagian selatan pulau Sumatera.

Projek itu dianggarkan menelan belanja RM6 bilion, kata eksekutif kanan itu yang enggan namanya disiarkan.

Beliau berkata kajian kemungkinan itu sudah hampir siap dan laporannya akan diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk kelulusannya sebelum dikemukakan kepada Presiden Suharto.

Cadangan Malaysia bagi membina jambatan itu dinyatakan oleh Dr Mahathir semasa pertemuannya dengan Suharto Ahad lepas, ketika kedua-dua pemimpin itu menghadiri sidang puncak lapan negara membangun D-8 di Istanbul, Turki.

Presiden Indonesia itu dilaporkan setuju terhadap cadangan itu serta menyatakan kesediaan Indonesia untuk bekerjasama.

Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa jambatan itu bukan sahaja bagi membolehkan perhubungan kenderaan automobil tetapi juga untuk perkhidmatan keretapi serta penyaluran bekalan tenaga elektrik dan gas. -- BERNAMA

MOK